



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 13 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KERAJAAN GALAK PENTERNAK TANAM RUMPUT NAPIER, HARAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	TIADA LAMBAKAN SAYUR SEPANJANG PKP, KOSMO -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Kerajaan galak penternak tanam rumput napier



BACHOK: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (Mafi) merangka langkah bagi memastikan isu kenaikan harga makanan ternakan dan kesan kepada industri penternakan tidak berlaku.

Advertisement

Timbalan Menteri, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, antara langkah ialah menggalakkan penanaman rumput napier yang bukan sahaja membekalkan makanan haiwan ternak, malah menjana pendapatan tambahan penternak.

Menurutnya, kerajaan akan melaksanakan kempen bagi menggalakkan penanaman tumbuhan terbabit serta mengadakan kursus kepada penternak di seluruh negara bagi mengatasi kebergantungan bahan makanan ternakan.

"Kalau kita galakkan penternak kita tanam napier kerana sekali

tanam boleh guna sampai bila-bila, berbeza jagung yang boleh sekali guna tetapi rumput tersebut boleh ambil hasil selagi penjagaan rapi dan pembajaan sesuai.

"Ia sangat berzat untuk haiwan ternakan, antaranya kita akan adakan kempen untuk pemain utama sektor penternakan ini untuk menyediakan sendiri makanan napier, di samping dengan kursus dan latihan yang sangat mudah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai peningkatan harga bahan makanan ternakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan pengimportan jagung terhenti dan menjejaskan industri itu.

Sebelum ini kira-kira 100 penternak di Peringat dan Melor di sini mengesa kerajaan mengambil tindakan bagi mengawal harga dedak yang dikatakan naik sejak kebelakangan ini khususnya pada Mac tahun lalu selepas PKP dilaksanakan.

Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, selain itu antara langkah dilakukan ialah menjalinkan kerjasama strategik dengan pemain industri bagi meningkatkan pengeluaran jagung bijian tempatan.

Menurutnya pengeluaran jagung terbabit secara komersil dan kajian lebih menyeluruh berkaitan kos kawalan penyakit dan peningkatan kualiti jagung bijian tempatan dengan kos pengeluaran memenuhi keperluan pengilang makanan ternakan.

Kerajaan merancang untuk mendapatkan sumber bekalan bahan mentah makanan ternakan dari negara jiran di Asia Tenggara seperti Indonesia dan Thailand berbanding Brazil dan Argentina sebelum ini bagi mengurangkan kos logistik.

Usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) tempatan dipertingkatkan katanya bagi menghasil dan memperkenalkan bahan mentah gantian yang bersesuaian sebagai bahan mentah utama dalam penghasilan makan ternakan.

Beliau berkata, maklum balas dari pengusaha industri dalam sektor penternakan dan persatuan pengilang makanan ternakan mengesahkan kenaikan harga makanan ternakan meningkat sehingga empat hingga lima peratus.

Menurutnya lagi, peningkatan harga itu dipengaruhi kenaikan nilai komoditi bahan mentah utama makan ternakan yang diimport sepenuhnya iaitu jagung dan kacang soya susulan peningkatan harga pasaran dunia.

Jagung meningkat 15.2 peratus kepada RM1,100 per tan pada November 2020 berbanding RM955/tan pada April 2020, begitu juga kacang soya meningkat 9.4 peratus kepada RM2,100/tan pada November 2020 berbanding RM1,920/tan pada April 2020.

"Harga bahan mentah utama makanan ternakan ini ditentukan oleh harga di pasaran komoditi dunia serta beberapa faktor seperti Malaysia masih bergantung kepada jagung bijian yang diimport dari Argentina dan Brazil.

"Serta pengeluaran jagung bijian tempatan masih belum mencapai keperluan komersil pengilangan dari segi kuantiti dan kita tiada bahan mentah gantian yang sesuai dalam makanan ternakan seperti ayam daging dan telur," katanya.

– HARAKAHDAILY 13/1/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/2/2021	KOSMO	ONLINE	

Tiada lambakan sayur sepanjang PKP



TUMPAT – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan mengesahkan pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai isu atau masalah berkaitan lambakan sayur berlaku sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ketika ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, langkah kerajaan yang mengumumkan industri makanan dan pertanian sebahagian daripada perkhidmatan yang perlu berjalan telah berjaya menggelakkan masalah itu berlaku seperti PKP pada tahun lalu.

"Pihak kementerian menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) sentiasa berusaha membantu para petani dalam menjual hasil yang dikeluarkan oleh mereka.

"Bukan itu sahaja, kita turut berusaha dan bekerja keras bagi memastikan bekalan makanan dalam negara sentiasa cukup untuk menampung keperluan rakyat," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Terdahulu, beliau yang juga Ahli Parlimen Tumpat meluang masa menziarahi Ong Guan Ann sempena Tahun Baharu Cina di Kampung Kulim di sini.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah memberitahu, sebanyak RM100,000 telah diperuntukkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) di bawah program Ziarah Peladang untuk membantu golongan asnaf di negeri ini. -K! ONLINE